

2 April 2021
KENYATAAN MEDIA

TRANSAKSI TANPA TUNAI, TANPA KERTAS BERMULA DI PUSPAKOM

- **PUSPAKOM perkenal transaksi tanpa tunai, tanpa kertas secara berperingkat**

Shah Alam, 2 April 2021 – Selaras usaha meningkatkan digitalisasi didalam operasi, PUSPAKOM Sdn. Bhd. (PUSPAKOM) akan memperkenalkan urusanniaga pembayaran tanpa tunai, serta pengeluaran laporan pemeriksaan dan resit dan tanpa kertas di pusat-pusat pemeriksaannya.

Pelaksanaan urusanniaga digital ini jalankan secara berperingkat mulai 5 April 2021 di pusat-pusat pemeriksaan PUSPAKOM di Wilayah Tengah sebelum diperluaskan ke pusat-pusat pemeriksaannya di seluruh negara. Ianya merupakan inisiatif PUSPAKOM bagi menggalakkan transaksi tanpa sentuh dan mesra alam di kaunter-kaunter mereka. Ia juga mempermudah pelanggan membuat pembayaran untuk pemeriksaan mereka tanpa membawa tunai, di samping mengurangkan penggunaan bahan kertas bagi mencetak resit serta laporan pemeriksaan.

Di peringkat awal, pelaksanaan program tanpa tunai dan tanpa kertas akan bermula di pusat pemeriksaan di Wilayah Tengah. Ini akan disusuli pada 5 Mei depan di Wilayah Utara, 5 Jun untuk Wilayah Selatan, 5 Julai bagi Wilayah Timur dan akhir sekali pada 5 Ogos di Sabah dan Sarawak. PUSPAKOM mensasarkan semua urusan secara tunai serta cetakan resit dan laporan pemeriksaan akan ditamatkan menjelang bulan Oktober tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Shukor Ismail berpendapat sistem ini amat sesuai diketika norma baharu yang dilalui ketika ini.

“Pembayaran digital semakin meningkat di Malaysia, terutamanya ketika penularan pandemik COVID-19. Jadi, pelaksanaan “Tanpa Tunai, Tanpa Kertas” di PUSPAKOM amatlah bertepatan, kerana ia mengurangkan interaksi *face-to-face* diantara orang awam dengan

kakitangan PUSPAKOM. Ia juga sejajar dengan proses dan inisiatif automasi dan pendigitalan PUSPAKOM,” kata Shukor.

Shukor menjelaskan semua transaksi akan direkod dan disimpan di pangkalan data PUSPAKOM, sekaligus meningkatkan ketelusan dan integriti PUSPAKOM di mata masyarakat. Data ini juga membolehkan pengguna memantau aktiviti kewangan dan transaksi yang berkaitan pemeriksaan kenderaan mereka di PUSPAKOM.

Pelaksanaan urusan secara digital ini merupakan lanjutan sistem MyPUSPAKOM yang mula diperkenalkan pada tahun 2017. MyPUSPAKOM merupakan platform menetapkan temujanji pemeriksaan dan pembayaran secara dalam talian melalui FPX, kad debit, kad kredit dan e-dompot.

Melalui sistem tanpa tunai, pelanggan tidak perlu lagi menyediakan wang kertas atau syiling, yang menjimatkan masa proses pembayaran selain lebih selamat. Sistem tanpa kertas pula lebih mesra alam kerana mengurangkan penggunaan kertas; resit dan laporan pemeriksaan akan di e-mel kepada pelanggan.

PUSPAKOM telah menjalankan satu kajian selidik pelanggan dalam bulan Mac 2021. Hampir 2,300 pelanggan telah ditanya mengenai kesediaan mereka berkaitan transaksi tanpa tunai di PUSPAKOM, dan 86% responden telah memilih “Setuju” dan “Agak Setuju” dalam kajian tersebut. Kajian yang sama juga menunjukkan 75% responden bersetuju PUSPAKOM menggunakan sistem transaksi tanpa tunai sepenuhnya.

Selain kad debit dan kad kredit, e-dompot yang akan diterima oleh PUSPAKOM termasuk PUSPAKOM e-wallet, Maybank QRPay, GrabPay, Touch ‘n Go eWallet, Boost, WeChat Pay dan Alipay.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan PUSPAKOM di talian 03-5101 7000 atau Live Chat di www.puspakom.com.my atau mengikuti Facebook rasmi PUSPAKOM Sdn Bhd.

-TAMAT-

MENGENAI PUSPAKOM

Puspakom Sdn Bhd (PUSPAKOM) merupakan syarikat pemeriksaan kenderaan yang pertama dan satu-satunya yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk menjalankan semua pemeriksaan mandatori bagi kedua-dua kenderaan komersial dan persendirian. Ditubuhkan pada tahun 1994, kami adalah anak syarikat milik penuh DRB-HICOM Berhad.

Peranan utama kami adalah untuk menjalankan pemeriksaan ke atas kenderaan untuk membantu pemilik kenderaan dalam memastikan kenderaan berada di dalam keadaan yang selamat untuk dipandu di atas jalan raya serta memastikan pemilik kenderaan mematuhi peraturan-peraturan dalam memelihara alam sekitar melalui ujian pelepasan asap. Ini akan dilakukan melalui pemeriksaan yang ketat dan teliti terhadap kenderaan untuk memastikan mereka mematuhi peraturan keselamatan Kerajaan.

Setiap tahun, PUSPAKOM menjalankan lebih daripada 3 juta pemeriksaan kenderaan. PUSPAKOM mempunyai rangkaian di seluruh negara di 54 pusat pemeriksaan yang dilengkapi peralatan yang diiktiraf dan dikalibrasi oleh pihak berkaitan dari semasa ke semasa. Selain itu, PUSPAKOM juga mempunyai lebih daripada 25 pemeriksaan secara lawatan yang menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan di kawasan kurang penduduk dan di luar bandar.

Perkhidmatan Pemeriksaan Bergerak PUSPAKOM terdiri daripada Unit Bergerak Trak, Unit Bergerak Van dan Unit Bergerak Ringan, menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan dari pintu ke pintu kepada pelanggan individu dan korporat kami. Kami bangga memberikan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan yang cepat, cekap dan tepat secara profesional.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Leong Pei Yee

Ketua, Jabatan Komunikasi dan Khidmat Pelanggan
PUSPAKOM
Tel: 03-2052 7465

Elly

Jabatan Komunikasi dan Khidmat Pelanggan
PUSPAKOM
Tel: 03-2052 7322

Mohd Izzat Intanjudin

Eksekutif Kanan, Jabatan Komunikasi dan Khidmat Pelanggan
PUSPAKOM
Tel: 03-2052 7464